

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN PERLIS

*Satu Kajian Mengenai
"Rancangan Perniagaan Kayangan
Craft Centre"*

24 Mac 2000

Disediakan untuk :

En. Mohamed Zain B. Idris
Pensyarah ETR 300
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perlis

Disediakan Oleh :

| | |
|--------------------------|----------|
| Syahrul Nizam b . Shuib | 97236252 |
| Julia bt. Othman | 97416924 |
| Norhapizah Bt. Md Arshad | 97306903 |
| Mazlida Bt. Mahmud | 97416988 |
| Siti Hawa Bt. Pardin | 97307016 |

SURAT SERAHAN

Syahrul Nizam Bin Shuib,
Diploma Pengurusan Perniagaan 05,
Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perlis,
02600 Arau, Perlis Indera Kayangan.

Encik Mohamed Zain Idris,
Panel Asas Keusahawanan (ETR 300),
Universiti Teknologi Mara, Cawangan Arau,
02600 Arau, Perlis.

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN (RP)

Merujuk kepada perkara di atas, saya mewakili kumpulan ini bagi menyerahkan rancangan perniagaan seperti yang diarahkan oleh pihak tuan.

2. Untuk memenuhi kehendak matapelajaran ini kami telah menubuhkan sebuah syarikat perkongsian yang menjual serta mengedar barang-barang kraftangan, tembikar dan sebagainya untuk memenuhi pasaran di negeri Perlis.
3. Kami berharap pihak tuan akan berpuas hati dengan hasil kajian yang kami akan lakukan untuk tujuan rancangan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



Syahrul Nizam Bin Shuib
97236252

Bagi pihak:
Julia Binti Othman
Siti Hawa Binti Pardin
Norhapizah Binti Mohamad Arshad
Mazlida Binti Mahmud

SURAT PERMOHONANAN PINJAMAN

Pengurus Besar,
Syarikat Perniagaan Kayangan Craft Centre,
No 24, Blok 3,
Jalan Indera Kayangan,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan.

Pengurus Bahagian Pinjaman,
Bank Bumiputra Malaysia Berhad (Commerce),
Jalan Penjara,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan.

Tuan,

Permohonan Mendapatkan Pinjaman Kewangan

Merujuk kepada perkara di atas, kami ingin membuat pemohonan pinjaman daripada pihak tuan. Tujuan utama pinjaman ini adalah untuk membiayai perbelanjaan perniagaan dan sebagai modal tambahan bagi perniagaan yang bakal kami jalankan nanti.

2. Perniagaan yang akan kami jalankan adalah perniagaan perkongsian yang berteraskan kepada penjualan barang kraftangan. Penjualan ini bukan sahaja tertumpu kepada proses menjual barang , malahan kami juga ada menyediakan perkhidmatan menghantar tempahan .


3. Oleh itu, kami berhasrat untuk memohon pinjaman sebanyak RM 160 000 dari pihak tuan. Pinjaman ini akan kami gunakan sepenuhnya untuk membiayai perniagaan kami dan sebagai modal tambahan.

4. Kami berharap agar permohonan ini mendapat pertimbangan yg sewajarnya daripada pihak tuan. Pihak kami bersedia memberi sebarang maklumat yang diperlukan untuk sebarang tindakan dari pihak tuan pada bila-bila masa.

5. Bersama-sama ini kami sertakan bersama kertas kerja Rancangan Perniagaan (RP) kami untuk perhatian bagi pihak tuan. Segala kerjasama yang diberikan kami dahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Yang benar



.....
(SYAHRUL NIZAM B. SHUIB)

SEKACIP PINANG

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang .Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. Pencipta seluruh alam ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S. A.W. , serta keluarga baginda, para sahabat dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat.

Alhamdulillah, syukur kami kehadrat Illahi kerana dengan izinnya dapatlah kami menyempurnakan Rancangan Perniagaan ini., seperti mana yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan.

Tujuan Rancangan Perniagaan ini dilaksanakan bagi melengkapkan pengajian kami dalam mata pelajaran Asas keusahawanan (ETR 300) yang mewajibkan kami melakukan kajian , analisa, pemerhatian, dan lawatan berhubung dengan Rancangan Perniagaan dan seterusnya memberi gambaran sama ada projek yang dirancangkan berdaya maju atau sebaliknya. Ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan memupuk minat para pelajar untuk menceburi bidang perniagaan.

Dalam menjayakan kertas kerja ini, ahli- ahli kumpulan telah bekerjasama dan memberi komitmen yang padu antara satu sama lain untuk menjalankan kajian dan penyelidikan tentang potensi perniagaan yang bakal dijalankan.

Dengan itu jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan kertas kerja ini.Sesungguhnya segala yang baik itu datang dari Allah S.W.T. dan yang tidak baik itu adalah kelemahan kami sendiri.

Pihak kami ingin merakamkan setinggi- tinggi ucapan terima kasih kepada Pensyarah ETR kami iaitu En. Mohamed Zain B. Idris yang telah banyak membantu kami dalam memberi tunjuk ajar , nasihat dan panduan dari mula Rancangan Perniagaan ini dibuat sehingga ke penghujungnya.